



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

CADANGAN PINDAAN KEPADA AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 (CMA) DIMUKTAMADKAN

Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah menyiapkan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 53 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (CMA).

Seksyen 53 memperuntukkan penalti bagi pemegang lesen yang tidak mematuhi arahan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Akta tersebut. Pindaan yang dicadangkan akan melihat penalty yang tinggi terhadap pemegang lesen untuk ketidakpatuhan arahan tersebut.

Pindaan ini akan menghantar isyarat yang jelas kepada semua pemegang lesen di bawah Akta ini bahawa kerajaan serius dalam usaha untuk menguatkuasa peruntukan yang mengawal selia sektor telekomunikasi dan multimedia, termasuk usaha-usaha untuk meningkatkan kelajuan dan mengurangkan harga jalur lebar dan untuk meningkatkan persaingan dalam industri ini.

Pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 233 dalam Akta ini adalah mengenai kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi.

Pakatan Harapan dalam manifestonya berjanji untuk memansuhkan peruntukan-peruntukan yang zalim dalam pelbagai undang-undang, termasuk CMA.

Seksyen 233 adalah salah satu peruntukan yang telah dikutuk hebat sebagai terlalu luas dalam penggunaannya sehingga mengakibatkan penyalahgunaan. Terdapat juga kebimbangan yang dinyatakan terhadap penggunaannya sebagai alat untuk menghalang perbezaan pendapat politik.

Pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 233 ini berhasrat untuk memperkecilkan skop dan memperincikan capaiannya. Ia juga berhasrat untuk memperkenalkan keperluan pembuktian niat sebelum mana-mana kenyataan boleh dianggap sebagai jelik (*offensive*), justeru menyingkirkan prospek terjadinya pendakwaan yang sewenang-wenang atau penyalahgunaan.

Setelah menyelesaikan cadangan-cadangan pindaan, pihak Kementerian akan mendapatkan pandangan pihak-pihak yang berkaitan sebelum memuktamadkan cadangan-cadangan tersebut, yang diharapkan dapat dibentangkan dalam sidang Parlimen yang akan datang.

GOBIND SINGH DEO

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

28 SEPTEMBER 2018